

UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG

1. AKTA PERTUBUHAN PELADANG
1973
2. PERATURAN-PERATURAN
PERTUBUHAN PELADANG 1983
3. PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN
PELADANG
4. KAEDAH MENTADBIR DAN
MENGURUS UNIT PELADANG

A decorative border with intricate floral and scrollwork patterns surrounds the text. The border is composed of repeating motifs of stylized flowers and swirling lines, creating a classic and elegant frame.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 109

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

HINGGA 30 SEPTEMBER 2001

MAKLUMAN

TARIKH-TARIKH PENGUATKUASAAN AKTA IBU DAN AKTA PINDAAN

NAMA AKTA	TARIKH PERSETUJUAN DIRAJA	TARIKH DITERBITKAN DALAM WARTA
AKTA 109	15 JUN 1973	21 JUN 1974
AKTA 247	11 MAC 1974	14 MAC 1974
AKTA A552	18 FEBRUARI 1983	19 FEBRUARI 1983
AKTA A721	30 JANUARI 1989	9 FEBRUARI 1989

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA
AKTA 109
AKTA PERTUBUHAN PELADANG, 1973**

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
PEBENTUKAN PERTUBUHAN PELADANG**

3. Pembentukan
4. Larangan
5. Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi Pertubuhan Perbadanan
6. Tujuan-tujuan Pertubuhan Peladang

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN**

7. Pendaftar bagi Pertubuhan-pertubuhan Peladang
8. Daftar

**BAHAGIAN IV
HAK DAN TANGGUNGAN**

9. Ahli-ahli dan unit-unit ahli Pertubuhan Peladang
10. Melupakan hasil kepada atau melalui Pertubuhan Peladang
11. Lien dan tolakan berkenaan dengan syer atau kepentingan ahli-ahli atau unit-unit ahli
12. Syer atau kepentingan tidak boleh ditahan atau dijual
13. Pindahmilik kepentingan apabila ahli mati atau unit ahli dibubarkan
14. Pengarah-pengarah
15. Wang Pertubuhan Peladang
- 15 A Kuasa Meminjam Wang dan sebagainya
- 15 B Pelaburan Wang
16. Kumpulanwang Rizab
17. Menyelesaikan Pertikaian
18. Kes dinyatakan atas soal undang-undang

(Susunan seksyen-seksyen)

AKTA 109

Seksyen

BAHAGIAN IV A

PENGGABUNGAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN DAN NEGERI

- 18A. Prosedur mengenai penggabungan Pertubuhan Peladang Kawasan
- 18B. Pendaftaran Pertubuhan Peladang Negeri
- 18C. Prosedur mengenai penggabungan Pertubuhan Peladang Negeri

BAHAGIAN V

PEMERIKSAAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMBUBARAN

- 19. Kuasa untuk memeriksa.
- 20. Kuasa untuk menggantung dan membubar.
- 21. Rayuan
- 22. Tidak boleh menjalankan urusan dalam masa penggantungan.
- 23. Pengurusan dalam masa penggantungan.
- 24. Audit
- 24A. Hak akses kepada rekod dan sebagainya.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

- 25. Daftar ahli-ahli
 - 26. Bukti mengenai catatan-catatan dalam buku Pertubuhan Peladang dan Unit-unit ahli.
 - 27. Kuasa-kuasa Khas Menteri bagi mengecualikan daripada kehendak-kehendak tentang pendaftaran dan sebagainya.
 - 28. Kuasa untuk mengecualikan daripada duti atau cukai.
 - 28A. Mesyuarat Agung Tahunan.
 - 29. Dilarang menggunakan perkataan 'Pertubuhan Peladang'.
 - 30. Undang-undang Kesatuan Sekerja dan Akta Syarikat tidak dipakai.
 - 31. Kesalahan-kesalahan.
 - 32. Larangan mengenai pendaftaran Persatuan Peladang dan Syarikat-syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian.
 - 33. Kos bagi pembubaran paksa hendaklah ditanggung oleh Lembaga Pertubuhan Peladang.
 - 34. Akta ini hendaklah dipakai.
 - 35. Peraturan-peraturan
 - 36. Pemansuhan
- Tarikh Persetujuan Diraja 15 Jun 1973
Tarikh diterbitkan dalam Warta 21 Jun 1973

BAHAGIAN II
PEMBENTUKAN PERTUBUHAN PELADANG

- Pembentukan
(Am Act A552/
1983)
3. (1) Sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan boleh dibentuk mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana Peraturan yang dibuat di bawahnya bagi mana-mana kawasan di mana-mana negeri oleh tidak kurang daripada lima puluh orang yang memenuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan di subseksyen (1) seksyen 9 dan yang sebelum pembentukan itu telah berhimpun di suatu mesyuarat bagi maksud membentuk suatu Pertubuhan Peladang.
- (2) Mana-mana dua atau lebih Pertubuhan Peladang Kawasan yang didaftarkan mengikut Akta ini boleh dengan kelulusan Pendaftar dan mengikut mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bergabung menjadi suatu Pertubuhan Peladang Negeri.
- (3) Mana-mana dua atau lebih Pertubuhan Peladang Negeri yang didaftarkan mengikut Akta ini boleh dengan kelulusan Pendaftar dan mengikut mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bergabung menjadi suatu Pertubuhan Peladang Kebangsaan.
- Larangan
4. Tiada sesuatu Pertubuhan Peladang boleh menjalankan urusan melainkan jika ia dibentuk dan didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini.
- Pertubuhan
Peladang
hendaklah menjadi
Pertubuhan
Perbadanan.
5. Apabila didaftarkan di bawah Akta ini, sesuatu Pertubuhan Peladang
- (a) hendaklah menjadi sesuatu Pertubuhan Perbadanan yang kekal turun temurun dengan mempunyai suatu meteri dan hendaklah mempunyai kuasa bagi membuat kontrak, bagi memulakan dan membela tindakan, guaman dan pembicaraan di sisi undang-undang dan bagi membuat segala perkara yang perlu bagi maksud mencapai tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 6; dan
- (b) boleh memperolehi dengan jalan pajakan, pembelian, derma, pemberian, devais, pemberian wasiat atau dengan jalan-jalan lain sesuatu harta alih atau harta takalih bagi mana-mana daripada tujuan pertubuhan itu dan bagi maksud-maksud itu boleh menjual atau memajukan atau dengan cara lain membuat apa-apa urusan berkenaan dengan mana-mana harta itu.
- Tujuan-tujuan
Pertubuhan
Peladang (Am Act
A721/1989)
6. (1) Sesuatu Pertubuhan Peladang boleh dibentuk dengan tujuan untuk memajukan kepentingan-kepentingan ekonomi dan sosial ahli-ahlinya atau kebajikan ahli-ahlinya atau unit-unit ahlinya dan hendaklah mempunyai kuasa bagi melakukan segala perkara yang perlu untuk mencapai tujuan-tujuan itu, dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan perkara yang tersebut di atas, ia hendaklah mempunyai kuasa-
- (a) bagi mengadakan perkhidmatan pengembangan dan kemudahan-kemudahan latihan kepada peladang-peladang bagi melengkapkan diri mereka dengan teknologi yang perlu bagi memajukan pertanian, perkebunan, penternak binatang-binatang, ekonomi rumahtangga, perniagaan pertanian dan lain-lain enterpris perniagaan;
- (b) bagi meluaskan pengeluaran pertanian di kalangan peladang-peladang dan pekebun-pekebun kecil untuk mencapai perbagaian dan perniagaan pertanian yang lebih luas dan meluaskan dan memajukan perniagaan pertanian;
- (c) bagi mengadakan bekalan-bekalan ladang dan keperluan-keperluan harian termasuk lain-lain kemudahan yang dikehendaki bagi perladangan yang progresif dan kehidupan luar bandar yang lebih baik;

- (d) bagi mengadakan kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kejenteraan ladang yang perlu bagi memodenkan usaha-usaha perladangan;
- (e) bagi mengadakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kredit dan bagi memajukan pelaburan yang lebih besar dalam bidang-bidang pertanian dan ekonomi;
- (f) bagi memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menawarkan perkhidmatan bagi simpanan wang luar bandar;
- (g) bagi mengadakan perkhidmatan pemasaran, penyimpanan, kompleks pengeringan, penggudangan dan lain-lain kemudahan;
- (h) bagi mengendali dan mengadakan kemudahan-kemudahan pengangkutan bagi menambah usaha-usaha pemasaran pertanian dan usaha-usaha yang berkaitan;
- (i) bagi menubuh dan mengendalikn loji-loji memproses dan kompleks-kompleks mengilang yang perlu bagi memproses hasil pertanian; (Am Act A721/1989)
- (j) bagi membolehkan pembentukan modal dan pelaburan di kalangan ahli-ahli atau unit-unit ahlinya melalui penubuhan syarikat-syarikat atau penyertaan ekuiti dalam usaha-usaha perdagangan dan perniagaan;
- (k) bagi membantu ahli-ahli dalam memperolehi tanah dan menjalankan projek kemajuan tanah bagi faedah ahli-ahli;
- (l) bagi menggalak dan mempergiat tindakan kumpulan melalui berbagai projek kemasyarakatan dan memudahkan kemajuan pimpinan;
- (m) bagi mengadakan perkhidmatan sosial, kemudahan-kemudahan pendidikan dan rekreasi untuk menambah kemajuan sosial dan kebajikan keluarga perladangan.

(2) Walau apapun kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen kecil (1), sesuatu Pertubuhan Peladang tidak boleh menubuhkan apa-apa syarikat atau menyertai ekuiti mana-mana usaha perdagangan atau perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Pendaftar, dan Pendaftar boleh, pada memberikan kelulusan sedemikian mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut'; (Added Act A721/1989)

(3) Tanpa menjejaskan kuasa-kuasa yang diberi kepada Pendaftar dalam seksyen-kecil (2), Pendaftar boleh melalui perintah secara bertulis, menghadkan, mengenakan syarat-syarat ke atas atau mengawalselia kuasa-kuasa sesuatu Pertubuhan Peladang untuk memastikan kecekapan dan untuk mengelakkan penduaan, fungsi-fungsi Pertubuhan Peladang itu. (Added Act A721/1989)

(4) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan apa-apa perintah Pendaftar di bawah seksyen-kecil (2) atau (3) boleh merayu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari perintah itu dibuat dan Menteri boleh mengesahkan, mengubahkan atau membatalkan perintah itu; dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah. (Am Act A552/1983)

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

7. (1) Bagi maksud Akta ini maka hendaklah ada seorang Pendaftar Pertubuhan Peladang (dalam Akta ini disebut sebagai 'Pendaftar') yang bertanggungjawab atas pendaftaran, pengawasan dan pengawalan semua Pertubuhan Peladang. Pendaftar bagi Pertubuhan-Pertubuhan Peladang
- (2) Ketua Pengarah bagi Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi Pendaftar.

(3) Pendaftar boleh secara bertulis mewakili kepada mana-mana orang, termasuk mana-mana pegawai dalam perkhidmatan awam di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, mana-mana daripada kuasa-kuasanya di bawah Akta ini kecuali kuasa-kuasanya untuk menggantung atau membubarkan Pertubuhan Peladang.

Daftar 8. Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara atau mengarahkan di simpan dan disenggara suatu atau beberapa daftar yang mengandungi butir-butir berkenaan dengan pendaftaran semua Pertubuhan Peladang sebagaimana yang difikirkan mustahak.

BAHAGIAN IV **HAK DAN TANGGUNGAN**

Ahli-ahli dan unit-unit ahli Pertubuhan Peladang 9. (1) Seseorang yang mana adalah seorang warganegara Malaysia, telah mencapai umur 18 tahun dan:
(a) adalah mengambil bahagian dalam pengeluaran pertanian atau ternakan;
(b) yang pendapatannya didapati dari pengeluaran pertanian atau ternakan; atau
(c) adalah menguasai mana-mana daripada faktor-faktor pengeluaran pertanian atau ternakan.

adalah layak, tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, untuk menjadi sebagai seorang ahli sesuatu Pertubuhan Peladang.

(Am Act A552/1983) (2) Sesuatu Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian atau mana-mana kumpulan orang adalah layak menjadi suatu unit ahli Pertubuhan Peladang tertakluk kepada apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Ahli-ahli dan unit-unit ahli bagi sesuatu Pertubuhan Peladang yang dibentuk dan didaftarkan mengikut Akta ini tidak boleh menjalankan hak-hak seseorang ahli atau sesuatu unit ahli sehingga ahli atau unit ahli itu telah membuat apa-apa pembayaran kepada Pertubuhan Peladang itu berkenaan dengan keahlian atau memperolehi apa-apa kepentingan di dalam Pertubuhan Peladang itu sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau oleh perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(4) Seseorang ahli atau sesuatu unit ahli adalah terhenti daripada menjadi seorang ahli atau suatu unit ahli bagi sesuatu Pertubuhan Peladang.

- (a) apabila ahli itu meletakkan jawatan dengan sukarela mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu;
- (b) apabila ahli itu disifatkan sebagai telah terhenti daripada menjadi seorang ahli menurut mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu;
- (c) mengenai seseorang ahli apabila ahli itu mati atau mengenai sesuatu unit ahli apabila unit itu dibubarkan.

Melupuskan hasil kepada atau melalui Pertubuhan Peladang. 10. (1) Sesuatu Pertubuhan Peladang yang satu daripada tujuan-tujuannya ialah untuk melupuskan apa-apa hasil ahli-ahli atau unit-unit ahlinya, boleh memperuntukkan dalam kaedah-kaedahnya atau boleh dengan cara lain membuat kontrak dengan ahli-ahli atau unit-unit ahlinya.

- (a) bahawa tiap-tiap ahli atau unit ahli itu yang menghasilkan apa-apa benda itu hendaklah melupuskan kesemua atau apa-apa amaun, kadar atau jenis tertentu daripada benda itu kepada atau melalui Pertubuhan Peladang; dan

(b) bahawa seseorang ahli atau sesuatu unit ahli yang dibuktikan atau dihukum mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang di bawah Akta ini sebagai telah melakukan sesuatu pelanggaran terhadap kaedah-kaedah atau kontrak itu hendaklah membayar kepada Pertubuhan Peladang itu sebagai gantirugi yang ditentukan banyaknya sejumlah wang yang ditentukan atau ditaksirkan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang tersebut di atas.

(2) Tiada sesuatu kontrak yang dibuat di bawah peruntukan-peruntukan seksyen ini boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas alasan semata-mata bahawa ianya adalah suatu kontrak menghalang perdagangan.

11. Sesuatu Pertubuhan Peladang hendaklah mempunyai suatu lien ke atas suatu syer atau kepentingan dalam modal dan ke atas deposit seseorang ahli atau sesuatu unit ahli atau bekas unit ahli atau ahli yang sudah mati dan ke atas sesuatu dividen, bonus atau keuntungan yang kena bayar kepada seseorang ahli atau sesuatu unit ahli atau bekas ahli atau bekas unit ahli atau kepada harta pesaka seorang ahli yang sudah mati berkenaan dengan apa-apa hutang yang kena bayar kepada Pertubuhan Peladang oleh ahli atau unit ahli atau bekas ahli atau bekas unit ahli atau harta pesaka itu, dan boleh menolak apa-apa jumlah wang yang dikredit atau kena dibayar, kepada seseorang ahli atau sesuatu unit ahli atau bekas ahli atau bekas unit ahli atau harta pesaka seorang ahli yang sudah mati pada atau terhadap pembayaran apa-apa hutang itu.
12. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 11 Akta ini, syer atau kepentingan seseorang ahli atau sesuatu unit ahli dalam modal sesuatu Pertubuhan Peladang tidak boleh ditahan atau dijual di bawah apa-apa dikri atau perintah sesuatu mahkamah berkenaan dengan apa-apa hutang atau tanggungan yang dilakukan oleh ahli atau unit ahli itu, dan juga pemegang hartanya dalam hal keadaan tak berkemampuannya atau seseorang penerima yang dilantik dengan sempurna tidak berhak kepada, atau mempunyai apa-apa tuntutan ke atas, syer atau kepentingan itu.
- (2) Tanggungan seseorang ahli atau unit ahli bagi hutang-hutang sesuatu Pertubuhan Peladang hendaklah ditentukan mengikut perkadaran syer atau kepentingan yang dipegang oleh ahli atau unit-unit itu berbanding dengan keseluruhan hutang-hutang Pertubuhan Peladang itu.
13. (1) Apabila seseorang ahli mati atau sesuatu unit ahli dibubarkan sesuatu Pertubuhan Peladang boleh:
- (a) berkenaan dengan ahli yang sudah mati itu, memindahmilik syer atau kepentingan ahli yang sudah mati itu kepada seorang yang dinamakan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau, jika tiada seseorang yang dinamakan sedemikian, kepada seseorang yang pada pendapat Jemaah Pengarah adalah waris atau wakil di sisi undang-undang bagi ahli yang sudah mati itu atau boleh membayar kepada orang yang dinamakan waris atau wakil di sisi undang-undang itu mengikut mana yang berkenaan, sejumlah wang yang berupa nilai syer atau kepentingan ahli yang sudah mati itu sebagaimana yang ditentukan mengikut apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) berkenaan dengan sesuatu unit ahli yang dibubarkan, membayar kepada pelikuidasi sejumlah wang yang berupa nilai syer atau kepentingan unit ahli yang dibubarkan itu sebagaimana yang ditetapkan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Lien dan tolakan berkenaan dengan syer atau kepentingan ahli-ahli atau unit-unit ahli.

Syer atau kepentingan tidak boleh ditahan atau dijual.

(Added Act A721/1989)

Pindah milik kepentingan apabila ahli mati atau unit ahli dibubarkan.

(2) Sesuatu Pertubuhan Peladang boleh membayar segala wang lain yang kena dibayar kepada ahli yang sudah mati atau unit ahli yang dibubarkan oleh Pertubuhan Peladang kepada orang yang dinamakan, waris, wakil di sisi undang-undang atau pelikuidasi itu, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Segala pindahtukang dan pembayaran yang dibuat oleh Pertubuhan Peladang mengikut peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah sah dan berkesan terhadap apa-apa tuntutan yang dibuat ke atas Pertubuhan Peladang oleh mana-mana orang lain.

Pengarah-Pengarah 14. (1) Tiap-tiap satu Pertubuhan Peladang hendaklah diuruskan oleh suatu Jemaah Pengarah yang dipilih atau dilantik mengikut dan mempunyai apa-apa kuasa-kuasa yang ditetapkan oleh, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(2) Bagi maksud menjalankan urusan kerja tiap-tiap satu Pertubuhan Peladang itu, maka hendaklah ada seorang Pengurus Besar dan lain-lain pegawai dan penjawat bagi Pertubuhan Peladang itu yang dilantik mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(3) Tanggungjawab-tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan Pengurus Besar, pegawai-pegawai dan Jemaah Pengarah yang tersebut di atas hendaklah mengikut perlembagaan dan kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(4) Pengarah-pengarah hendaklah memegang jawatan, bersara dan boleh dipecat dari jawatannya mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(5) Jawatan seseorang Pengarah hendaklah disifatkan sebagai dikosongkan dalam mana-mana daripada hal yang berikut iaitu:

(a) jika ia menjadi bankrap;

(b) jika ia disabitkan atas suatu kesalahan jenayah berkenaan dengan penipuan, kecurangan atau keburukan akhlak;

(c) jika ia tidak menghadiri mesyuarat Jemaah Pengarah tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran;

(d) jika ia berhenti daripada menjadi seorang warganegara Malaysia atau seorang ahli Pertubuhan Peladang itu;

(e) jika ia menjadi gila;

(f) jika ia mengambil bahagian dalam apa-apa urusan atau bertindak mengikut suatu cara yang pada pendapat Pendaftar mendatangkan mudharat kepada kepentingan-kepentingan Pertubuhan Peladang itu, atau;

(g) jika menerima gaji daripada atau menjadi pekerja bergaji bagi Pertubuhan Peladang itu.

Wang Pertubuhan Peladang 15. Wang tiap-tiap satu Pertubuhan Peladang hendaklah terdiri daripada:

(a) yuran-yuran ahli atau unit-unit ahli; dan

(b) wang yang diperolehi, yang terakru atau yang didapati menurut kuasa Pertubuhan Peladang itu yang diberi oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

15A (1) Tertakluk kepada seksyen 6, dan kepada apa-apa had sebagaimana dikenakan dari semasa ke semasa oleh Pendaftar, sesuatu Pertubuhan Peladang boleh meminjam wang atau menanggung penglibatan atau tanggungan kewangan lain bagi maksud melaksanakan tujuan dan fungsinya.

Kuasa meminjam wang, dsb (Added Act A552/1983)

(2) Di tiap-tiap satu mesyuarat agung tahunan, tiap-tiap Pertubuhan Peladang hendaklah menentukan tertakluk kepada had-had yang dikenakan oleh Pendaftar menurut subseksyen (1), had maksima keterhutangan yang boleh ditanggung olehnya pada bila-bila masa dalam tahun kewangan akan datang disebabkan wang yang dipinjam atau akan dipinjam dan lain-lain penglibatan dan tanggungan kewangan yang dibuat atau akan dibuat sebelum dan dalam tahun kewangan itu.

15B. Tertakluk kepada seksyen 6, sesuatu Pertubuhan Peladang boleh melabur atau men deposit wangnya:-

Pelaburan wang (Added Act A552)

- (a) dalam mana-mana bank yang diluluskan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa;
- (b) dalam apa-apa sekuriti Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri;
- (c) dalam sekuriti yang dikeluarkan dalam Persekutuan dengan kelulusan Perbendaharaan oleh mana-mana pihak berkuasa awam yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri;
- (d) dengan kelulusan Pendaftar, dalam modal syer atau sekuriti mana-mana badan atau syarikat berdaftar;
- (e) dengan kelulusan Pendaftar, dalam pembelian tanah atau bangunan atau dalam pembinaan bangunan; atau
- (f) dengan apa-apa cara lain yang diluluskan oleh Pendaftar.

16. Tiap-tiap Pertubuhan Peladang hendaklah menubuhkan suatu Kumpulanwang Rizab yang akan mengandungi wang daripada kumpulan wang am yang diasingkan bagi maksud itu dan yang akan digunakan mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

KumpulanWang Rizab

17. (1) (a) Jika sesuatu pertikaian yang menyentuh urusan sesuatu Pertubuhan Peladang berbangkit:-

Menyelesaikan pertikaian.

- (i) di kalangan ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli dan orang yang menuntut melalui ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli dan ahli yang sudah mati; atau
- (ii) di antara seorang ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli atau orang yang menuntut melalui seorang ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli atau ahli yang sudah mati dengan Pertubuhan Peladang itu atau Jemaah Pengarahnya; atau
- (iii) di antara Pertubuhan Peladang itu dengan sesuatu Pertubuhan Peladang yang lain;

pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Pendaftar untuk keputusan –

(b) Sesuatu tuntutan oleh mana-mana Pertubuhan Peladang bagi sesuatu hutang atau tuntutan yang kena bayar kepadanya oleh seseorang ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli atau orang yang dinamakan, waris atau wakil di sisi undang-undang bagi seseorang ahli yang sudah mati atau pelikuidasi bagi sesuatu unit ahli yang dibubarkan atau sesuatu tuntutan oleh Pertubuhan Peladang peringkat yang lebih

tinggi bagi sesuatu hutang atau tuntutan yang kena dibayar oleh Pertubuhan Peladang peringkat yang lebih rendah hendaklah disifatkan sebagai suatu pertikaian yang menyentuh urusan Pertubuhan Peladang itu.

- (2) Pendaftar boleh apabila menerima sesuatu rujukan di bawah seksyen-kecil (1) –
- (a) memutuskan pertikaian itu dengan sendiri; atau
 - (b) merujukannya untuk diselesaikan kepada penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara.
- (3) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Pendaftar atau penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara di bawah seksyen-kecil (2) hendaklah terletak ke atas Menteri dan hendaklah dibuat dalam tempoh dua bulan dari tarikh keputusan itu.
- (4) Suatu keputusan Menteri dalam sesuatu rayuan di bawah seksyen-kecil (3) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.
- (5) Sesuatu keputusan Pendaftar atau penimbangtara-penimbangtara di bawah seksyen-kecil (2) atau, jika ada sesuatu rayuan terhadapnya, keputusan sebagaimana disahkan atau diubah oleh Menteri, hendaklah dikuatkuasa mengikut cara yang sama seolah-olah keputusan itu adalah suatu hukuman Mahkamah Sesyen.

(Am Act A 552)

Kes dinyatakan atas soal undang-undang

18. (1) Walau apapun yang terkandung dalam seksyen 17 Menteri boleh, pada bila-bila masa apabila sesuatu rayuan telah dirujuk kepada di bawah seksyen itu, merujuk apa-apa soal undang-undang yang berbangkit dalam perjalanan pembicaraan yang berkaitan dengan rayuan itu bagi pendapat Mahkamah Tinggi.
- (2) Mahkamah Tinggi hendaklah mendengar dan memutuskan soal undang-undang yang dirujuk sedemikian.

(Added Act A552/1983)

BAHAGIAN IVA

PENGGABUNGAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN DAN NEGERI

Prosedur mengenai penggabungan Pertubuhan Peladang Kawasan (Added Act A552/1983)

- 18A. (1) Mana-mana Pertubuhan Peladang Kawasan boleh memberi notis mengikut kaedah-kaedah pertubuhan tentang cadangannya hendak mengadakan mesyuarat agung khas pertubuhan itu dimana ketetapan khas bagi penggabungannya dengan Pertubuhan Peladang Kawasan yang lain akan dicadangkan.
- (2) Dalam mesyuarat tiap-tiap satu Pertubuhan Peladang Kawasan itu suatu ketetapan khas hendaklah dicadangkan bagi penggabungan tersebut dan suatu permohonan hendaklah dibuat kepada Pendaftar bagi maksud itu.

Pendaftaran Pertubuhan Peladang Negeri (Added A 552/1983)

- 18B. (2) Jika sesuatu permohonan di bawah seksyen 18A telah dibuat berkenaan dengan tiap-tiap satu Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pendaftar berpuashati:
- (a) bahawa ketetapan khas menyokong penggabungan yang dicadangkan itu telah diluluskan dengan wajar oleh tiap-tiap satu Pertubuhan Peladang Kawasan yang dalam segala butir material adalah bersamaan dengan ketetapan atau ketetapan-ketetapan yang diluluskan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan yang lain;

- (b) bahawa skim penggabungan yang terkandung dalam ketetapan itu dalam hal tiap-tiap satu Pertubuhan Peladang Kawasan adalah dalam segala butir material bersamaan dengan ketetapan atau ketetapan-ketetapan Pertubuhan Peladang Kawasan yang lain; dan
- (c) bahawa peruntukan-peruntukan perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang Negeri yang dicadangkan adalah menepati peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Maka dia hendaklah mendaftarkan atau menyebabkan didaftarkan Pertubuhan Peladang Negeri itu mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

18C. Berkenaan dengan prosedur bagi penggabungan mana-mana dua atau lebih Pertubuhan Peladang Negeri peruntukan-peruntukan seksyen 18A dan 18B hendaklah dipakai dengan syarat bahawa perkataan-perkataan 'Pertubuhan Peladang Kawasan' dan 'Pertubuhan Peladang Negeri' dimana juga ianya terdapat masing-masingnya hendaklah digantikan dengan perkataan-perkataan 'Pertubuhan Peladang Negeri' dan 'Pertubuhan Peladang Kebangsaan'.

Prosidur mengenai penggabungan Pertubuhan Peladang negeri (Added Act A552)

BAHAGIAN V

PEMERIKSAAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMBUBARAN

19. Pendaftar atau seseorang yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu, adalah mempunyai kuasa;
- (a) untuk memeriksa akaun dan harta sesuatu Pertubuhan Peladang atau unit-unit ahli Pertubuhan Peladang itu; dan
 - (b) untuk mengadakan suatu penyiasatan berkenaan dengan perjalanan urusan dan kaedah kewangan Pertubuhan Peladang itu atau unit-unit ahli Pertubuhan itu.
20. (1) Jika Pendaftar berpendapat bahawa adalah untuk kepentingan peladang-peladang amnya dalam sesuatu kawasan berbuat demikian ia boleh dengan perintah menggantung perlembagaan atau kaedah-kaedah sesuatu Pertubuhan Peladang.
- (2) Selepas sahaja perintah di bawah seksyen kecil (1) dibuat, Pendaftar hendaklah mengarahkan supaya suatu penyiasatan dibuat berkenaan dengan Pertubuhan Peladang itu yang mengenainya perintah itu telah dibuat atau berkenaan dengan apa-apa aspek urusan Pertubuhan Peladang itu.
- (3) Selepas penyiasatan di bawah seksyen-kecil (2) dibuat, Pendaftar boleh menarik balik perintah penggantungan itu atau memerintahkan supaya Pertubuhan Peladang itu dibubarkan sebagaimana yang difikirkannya mustahak.
- (4) Tertakluk kepada sesuatu rayuan yang dibuat di bawah peruntukan seksyen 21, perintah bagi membubarkan sesuatu Pertubuhan Peladang hendaklah berkuatkuasa apabila tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh penyiaran perintah itu.
- (5) Sesuatu Pertubuhan Peladang yang terlibat oleh suatu perintah di bawah seksyen ini hendaklah dibubarkan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Kuasa untuk memeriksa

Kuasa untuk menggantung dan membubarkan

Rayuan	<p>21. Seseorang yang terkilan dengan sesuatu perintah Pendaftar yang dibuat di bawah Seksyen 20 boleh dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dibuat perintah itu merayu kepada Menteri yang akan mengesahkan atau membatalkan perintah itu, dan keputusan Menteri itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah.</p>
Tidak boleh menjalankan urusan dalam masa penggantungan	<p>22. Dalam tempoh penggantungan sesuatu Pertubuhan Peladang adalah menyalahi undang-undang bagi Pertubuhan Peladang itu menjalankan apa-apa urusan walau apapun peruntukan seksyen 4;</p> <p style="padding-left: 40px;">Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak menghalang Pertubuhan Peladang itu daripada dijalankan oleh mana-mana orang atau orang-orang yang dilantik di bawah seksyen 23.</p>
Pengurusan dalam masa penggantungan	<p>23. Maka layaklah bagi Pendaftar, selepas sesuatu perintah menggantung mana-mana Pertubuhan Peladang dibuat, melantik mana-mana orang atau orang-orang untuk menguruskan hal ehwal Pertubuhan Peladang itu dalam masa penggantungan sehingga Jemaah Pengarah yang baru atau mana-mana pegawai Pertubuhan Peladang itu telah dipilih atau diambilkerja.</p>
Audit	<p>24. Pendaftar hendaklah mengaudit atau mengarahkan diaudit oleh seseorang yang diberikuasa olehnya dengan jalan perintah am atau khas dengan bertulis akaun tiap-tiap Pertubuhan Peladang atau unit-unit ahli Pertubuhan Peladang itu sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.</p>
Hak akses kepada rekod dsb. (Added Act A552/1983)	<p>24A. (1) Pendaftar atau tiap-tiap orang berkuasa adalah berhak mendapat akses pada setiap masa kepada rekod perakaunan dan lain-lain rekod, meliputi daftar, tiap-tiap Pertubuhan Peladang dan adalah berkuasa-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Memanggil pada masa pengauditannya itu mana-mana pegawai atau bekas pegawai, ejen, pengkhidmat atau ahli Pertubuhan Peladang atau unit ahli yang dia ada sebab untuk dipercayai boleh memberi maklumat material berhubung dengan apa-apa transaksi Pertubuhan Peladang atau unit ahli atau dengan pengurusan hal-ehwalnya. (b) Mewajibkan supaya dikemukakan di mana-mana tempat dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana dinyatakan olehnya apa-apa buku atau dokumen berhubung dengan hal-ehwal, atau apa-apa wang tunai atau sekuriti kepunyaan, Pertubuhan Peladang berdaftar atau unit ahli oleh Pegawai atau bekas pegawai, ejen, perkhidmat atau ahli yang memiliki buku, dokumen, wang tunai atau sekuriti itu. <p>(2) Jika dalam masa penggulungan sesuatu Pertubuhan Peladang atau unit ahli Pertubuhan Peladang itu atau berikutan dari pengauditan di bawah Seksyen 24 atau sesuatu siasatan atau pemeriksaan di bawah Seksyen 19 didapati bahawa mana-mana orang yang telah mengambil bahagian dalam pengelolaan atau pengurusan Pertubuhan Peladang atau unit ahli itu atau mana-mana pegawai, ejen, pengkhidmat atau ahli Pertubuhan Peladang atau unit ahli yang lalu atau sekarang telah menyalahguna atau menyimpan atau bertanggungjawab atau bertanggungjawab atas apa-apa wang atau harta Pertubuhan Peladang atau unit ahli atau telah melakukan kesalahan misfeasance atau pecah amanah berhubung dengan Pertubuhan Peladang atau unit ahli atau atas permohonan pelikuidasi atau mana-mana pemiutang atau pencarum, Pendaftar atau lain-lain orang berkuasa adalah berkuasa memeriksa tatakelakuan orang itu dan membuat suatu perintah meminta supaya dia membayar balik atau mengembalikan wang atau harta itu atau mana-mana bahagiannya beserta bunga mengikut apa-apa kadar yang difikirkan patut oleh Pendaftar atau memberi sumbangan sekian banyak kepada aset Pertubuhan Peladang atau unit ahli itu dengan cara pampasan berhubung dengan penyalahgunaan, penyimpanan, kecurangan atau pecah amanah itu sebagaimana difikirkan patut oleh Pendaftar atau perintah itu hendaklah dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seolah-olah perintah itu adalah suatu hukuman Mahkamah.</p>

BAHAGIAN VI
PELBAGAI

25. Sesuatu daftar atau senarai ahli-ahli atau unit-unit ahli yang disimpan oleh mana-mana Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi keterangan prima facie mengenai mana-mana daripada butir berikut yang tercatat di dalamnya:
- (a) Tarikh nama seseorang telah dicatatkan dalam daftar atau senarai itu sebagai seorang ahli;
 - (b) Tarikh nama sesuatu syarikat kerjasama berasaskan pertanian, atau kumpulan orang telah dicatatkan dalam daftar atau senarai itu sebagai suatu unit ahli;
 - (c) Tarikh seseorang, syarikat kerjasama berasaskan pertanian, atau kumpulan orang berhenti daripada menjadi seorang ahli atau unit ahli Pertubuhan Peladang itu.
26. (1) Sesuatu salinan bagi sesuatu catatan dalam buku sesuatu Pertubuhan Peladang atau unit ahli bagi Pertubuhan Peladang itu yang biasa disimpan dalam perjalanan urusan-urusannya hendaklah jika diperakui secara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan, diterima dalam mana-mana percabangan di sisi undang-undang, sivil atau jenayah, sebagai keterangan prima facie mengenai adanya catitan itu dan hendaklah diterima sebagai keterangan mengenai perkara-perkara, urusan dan akaun yang direkodkan di dalamnya itu dalam tiap-tiap hal jika dan setakat mana catitan asal itu sendiri boleh diterima sebagai keterangan.
- (2) Tiada seseorang pegawai bagi mana-mana Pertubuhan Peladang atau unit ahli itu boleh dalam mana-mana percabangan di sisi undang-undang dalam mana Pertubuhan Peladang atau unit ahli itu tidak menjadi satu pihak, dipaksa mengemukakan apa-apa buku Pertubuhan Peladang, atau unit ahli, yang kandungannya boleh dibuktikan di bawah seksyen-kecil (1) seksyen ini atau dipaksa hadir sebagai saksi untuk membuktikan sesuatu perkara, urusan atau akaun yang direkodkan di dalamnya, melainkan jika diarahkan sedemikian oleh mahkamah atas sebab-sebab yang khas.
27. (1) Walau apapun yang terkandung dalam Akta ini, Menteri boleh dengan perintah khas bagi tiap-tiap satu hal dan tertakluk kepada apa-apa syarat, jika ada, sebagaimana yang boleh dikenakan mengecualikan mana-mana Pertubuhan Peladang daripada apa-apa kehendak Akta ini tentang pendaftaran.
- (2) Menteri boleh, dengan perintah am atau khas mengecualikan mana-mana Pertubuhan Peladang daripada mana-mana lain peruntukan Akta ini, atau boleh mengarahkan bahawa peruntukan-peruntukan itu hendaklah dipakai bagi Pertubuhan Peladang itu mulai dari suatu tarikh atau dengan apa-apa ubahsuaian sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu.
28. Menteri Kewangan boleh, melalui pemberitahu dalam Warta, mengenai sesuatu Pertubuhan Peladang atau sesuatu kelas Pertubuhan Peladang itu mengurangkan atau meremit;
- (a) Duti atau cukai yang di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa kena dibayar berkenaan dengan keuntungan Pertubuhan Peladang itu atau berkenaan dengan dividen atau lain-lain bayaran yang diterima oleh ahli-ahli atau unit-unit ahli Pertubuhan Peladang itu oleh sebab keuntungan;
 - (b) Duti stem yang boleh dikenakan di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa atas tiap-tiap satu suratcara yang disempurnakan oleh atau bagi pihak mana-mana Pertubuhan Peladang, unit ahli itu atau oleh seorang pegawai atau ahli yang berkenaan dengan urusan Pertubuhan Peladang atau unit-ahli itu atau atas apa-apa kelas suratcara itu.

Mesyuarat agung tahunan (Added Act A552/1983)

- 28A. (1) Mesyuarat agung tahunan tiap-tiap Pertubuhan Peladang hendaklah diadakan dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya tahun kewangan tiap-tiap satu Pertubuhan Peladang.
- (2) Walau apapun peruntukan subseksyen(1) Pertubuhan Peladang boleh memohon kepada Pendaftar bagi melanjutkan masa untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan.

Dilarang menggunakan perkataan 'Pertubuhan Peladang'.

29. (1) Tiada seseorang, sesuatu pertubuhan atau syarikat atau persatuan melainkan Pertubuhan Peladang yang didaftarkan di bawah Akta ini boleh berniaga atau menjalani urusan atas apa-apa nama atau gelaran yang sebahagiannya mengandungi perkataan 'Pertubuhan Peladang' tanpa kebenaran Menteri:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini dipakai terhadap penggunaan oleh seseorang, sesuatu pertubuhan atau syarikat atau persatuan atau penggantinya dalam kepentingan akan apa-apa nama atau gelaran atas nama perniagaan atau urusan telah dijalankan pada mula berkuatkuasa Akta ini.

- (2) Seseorang yang melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit, dan mengenai kesalahan yang berterusan, denda tambahan sebanyak lima puluh ringgit bagi tiap-tiap sehari kesalahan itu diteruskan.

Undang-undang Kesatuan Sekerja dan Akta Syarikat tidak dipakai

30. Peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa berkenaan dengan kesatuan-kesatuan sekerja dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965, tidak boleh dipakai bagi mana-mana Pertubuhan Peladang yang didaftarkan di bawah Akta ini.

31. Seseorang yang:

Kesalahan-kesalahan

- (a) Cuai atau enggan melakukan apa-apa perbuatan atau enggan atau tidak memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki bagi maksud Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (b) Memberi maklumat palsu atau membuat apa-apa pernyataan palsu atas apa-apa perkara yang dikehendaki diberi atau dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) Tidak menurut apa-apa permintaan atau perintah bertulis yang sah di sisi undang-undang yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
- (d) Melanggar atau tidak mematuhi lain-lain kehendak Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit dan mengenai kesalahan yang berterusan, denda tambahan sebanyak lima puluh ringgit bagi tiap-tiap sehari kesalahan itu diteruskan.

Larangan dan sekatan atas pendaftaran Syarikat-syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian. (Am Act A247/1974 dan Act A552/1983)

32. Mana-mana syarikat kerjasama yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1948 bagi Malaysia Barat, Ordinan Koperasi 1958 Sabah dan Ordinan Koperasi Sarawak selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, dan yang satu daripada tujuan-tujuan atau tugas-tugas utamanya ialah berkenaan dengan pengeluaran pertanian, kredit pertanian, pemasaran atau pemerosesan atau sesuatu usaha perniagaan dan perdagangan seperti itu hendaklah masuk sebagai unit ahli bagi mana-mana Pertubuhan Peladang sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang.

33. Jika di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 35, mana-mana syarikat kerjasama berasaskan pertanian yang ada pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini adalah dikehendaki secara paksa supaya dibubarkan, perbelanjaan bagi menggulung syarikat kerjasama itu akibat peraturan-peraturan itu hendaklah dibayar oleh Lembaga Pertubuhan Peladang itu seolah-olah perbelanjaan itu telah dilakukan semasa berjalan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya.
- Kos bagi pembubaran paksa hendaklah ditanggung oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (Am Act A552)
34. Selepas mula berkuatkuasanya Akta ini:
- (a) Sekiranya ada sesuatu percanggahan antara peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dengan peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1948 bagi Malaysia Barat, Ordinan Koperasi, 1958 Sabah atau Ordinan Koperasi Sarawak, maka peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah dipakai;
- Akta ini hendaklah dipakai.
Akta 287 (Am Act A552)
- (b) Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah berkenaan dengan Syarikat-syarikat Kerjasama berasaskan pertanian disifatkan sebagai Ketua Pendaftar bagi Syarikat-syarikat Kerjasama itu di bawah Akta Koperasi 1948 bagi Malaysia Barat, Ordinan Koperasi, 1958 Sabah, Ordinan Koperasi Sarawak mengikut mana yang berkenaan dan hendaklah diletakhak dengan dan boleh menjalankan semua atau mana-mana daripada kuasa-kuasa Ketua Pendaftar itu.
- Akta 287 (Am Act A721/1989)
35. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat segala peraturan sebagaimana yang perlu bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana peruntukan Akta ini.
- (2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (1) seksyen ini, peraturan-peraturan itu boleh:
- (a) menetapkan borang-borang yang hendak digunakan dan syarat-syarat yang hendak dipatuhi dengan pembentukan, penubuhan dan pendaftaran sesuatu Pertubuhan Peladang, dalam pengabungan dua atau lebih Pertubuhan Peladang kepada satu Pertubuhan Peladang peringkat yang lebih tinggi dan pendaftarannya dan acara yang hendak dipakai mengenai perkara-perkara itu;
- (b) menetapkan syarat-syarat yang hendak dipatuhi oleh orang-orang yang memohon supaya diterima masuk sebagai ahli, dan mengadakan peruntukan mengenai pemilihan dan penerimaan masuk ahli-ahli dari semasa ke semasa dan pembayaran yang hendak dibuat dan kepentingan yang hendak diperolehi sebelum menjalankan hak-hak ahli;
- (c) menghendaki sesuatu syarikat kerjasama berasaskan pertanian memasuki mana-mana Pertubuhan Peladang dan menurut kehendak-kehendak itu boleh;
- (Am Act A552)
- (i) mengawal kemasukan syarikat kerjasama itu ke dalam mana-mana Pertubuhan Peladang;
- (Am Act A552)
- (ii) menentukan pembayaran yang hendak dibuat dan kepentingan yang hendak diperolehi oleh syarikat kerjasama itu;
- (Am Act A552)
- (iii) mengawal penubuhan pengurusan dan takat pengawalan syarikat kerjasama itu oleh Pertubuhan Peladang;
- (iv) menentukan taraf, hak dan tanggungan ahli-ahli syarikat kerjasama itu yang mana adalah unit-unit berhubung dengan Pertubuhan Peladang;
- (Am Act A552)
- (d) menetapkan bilangan maksima syer atau bahagian maksima modal sesuatu Pertubuhan Peladang berdaftar yang boleh dipegang oleh seorang ahli atau sesuatu unit ahli;

- (e) mengadakan peruntukan bagi ahli-ahli menarik diri dan bagi membuang ahli-ahli atau bagi menggantung dan membubarkan unit-unit ahli dan bagi pembayaran, jika ada, yang hendak dibuat kepada ahli-ahli atau unit yang menarik diri atau dibuang atau dibubarkan dan bagi tanggungan bekas-bekas ahli dan unit ahli;
- (f) mengadakan peruntukan bagi mesyuarat ahli-ahli dan unit-unit bagi acara di mesyuarat itu dan kuasa-kuasa yang hendak dijalankan oleh mesyuarat itu;
- (g) mengadakan peruntukan mengenai penubuhan, keanggotaan, perlantikan, penggantungan dan pemecatan Jemaah Pengarah dan lain-lain pegawai dan penjawat Pertubuhan Peladang dan mengenai acara di mesyuarat Jemaah Pengarah dan mengenai kuasa-kuasa yang hendak dijalankan dan kewajipan-kewajipan yang hendak dilaksanakan oleh Jemaah Pengarah dan lain-lain pegawai dan penjawat Pertubuhan Peladang.
- (h) menetapkan perkara-perkara yang berkenaan dengannya sesuatu Pertubuhan Peladang boleh atau mesti membuat kaedah-kaedah dan acara yang hendak diikuti pada membuat, mengubah dan membatalkan kaedah-kaedah dan syarat-syarat yang hendak dipenuhi sebelum daripada membuat, mengubah atau membatalkan kaedah-kaedah itu;
- (i) mengawal cara bagaimana wang boleh didapati dengan jalan syer atau dibencar atau lain-lain;
- (j) menetapkan syarat-syarat yang hendak dipatuhi oleh sesuatu Pertubuhan Peladang yang memohon bantuan kewangan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang;
- (k) menetapkan pembayaran yang hendak dibuat, syarat-syarat yang hendak dipatuhi, dan bentuk-bentuk bagi bon suratcara atau lain-lain suratan yang hendak disempurnakan, oleh ahli-ahli atau unit-unit ahli yang memohon pinjaman atau kredit wang tunai, tempoh pinjaman atau kredit boleh diberi, dan amaun maksimum yang boleh dibenarkan bagi seseorang ahli atau sesuatu unit ahli dengan atau tanpa persetujuan Pendaftar;
- (l) mengadakan peruntukan mengenai cara bagaimana nilai kepentingan seorang ahli yang sudah mati atau nilai kepentingan sesuatu unit ahli yang dibubarkan hendak ditentukan, dan mengenai penamaan seseorang kepada siapa kepentingan itu boleh dibayar atau dipindahmilik;
- (m) mengadakan peruntukan mengenai cara bagaimana nilai kepentingan seseorang yang telah tidak sempurna akalnya dan yang tidak berupaya menguruskan dirinya atau hal-ehwalnya hendak ditentukan dan mengenai penamaan seseorang kepada siapa kepentingan itu boleh dibayar atau dipindahmilik;
- (n) mengadakan peruntukan mengenai pembentukan dan penyenggaraan kumpulan wang rizab dan tujuan-tujuan kumpulanwang itu boleh digunakan dan mengenai pelaburan apa-apa wang yang ada di bawah kawalan mana-mana Pertubuhan Peladang;
- (o) menetapkan syarat-syarat di bawah mana keuntungan boleh dibahagikan kepada ahli-ahli dan unit-unit ahli sesuatu Pertubuhan Peladang dan kadar maksima dividen yang boleh dibayar oleh Pertubuhan Peladang;
- (p) menetapkan sistem pengauditan dan pengakaunan sesuatu Pertubuhan Peladang dan penyiaran berkala suatu kunci kira-kira yang menunjukkan aset dan tanggungan aset dan tanggungan sesuatu Pertubuhan Peladang;
- (q) menetapkan penyata-penyata yang hendak dihantar oleh sesuatu Pertubuhan Peladang kepada Pendaftar dan orang-orang oleh siapa dan bentuk dalam mana-penyata-penyata itu akan dibuat;

- (r) mengadakan peruntukan mengenai penyenggaraan suatu daftar ahli-ahli dan unit-unit ahli, dan suatu daftar syer;
- (s) mengadakan peruntukan mengenai pemeriksaan suratan-suratan dan daftar-daftar di pejabat Pendaftar dan bayaran yang hendak dibayar baginya dan mengenai pengeluaran salinan-salinan bagi suratan-suratan dan daftar-daftar itu;
- (t) menetapkan cara bagaimana sesuatu soal tentang pelanggaran sesuatu kaedah atau kontrak berkenaan dengan perlupusan hasil kepada atau melalui sesuatu Pertubuhan Peladang boleh ditetapkan dengan cara bagaimana gantirugi yang ditentukan banyaknya bagi sesuatu pelanggaran itu boleh ditentu atau ditaksirkan;
- (u) menetapkan cara melantik penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara dan acara yang hendak diikuti dalam pembicaraan di hadapan Pendaftar atau penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara itu;
- (v) menetapkan acara yang hendak diikuti apabila sesuatu unit ahli atau sesuatu Pertubuhan Peladang digantung atau dibubarkan dan mengadakan peruntukan mengenai perlantikan seorang pelikuidasi dan acara yang hendak diikuti olehnya;
- (w) menetapkan borang-borang yang hendak digunakan, bayaran yang hendak dibayar, acara yang hendak dipatuhi dan segala perkara lain yang berkaitan atau bersampingan dengan pengemukaan, pembicaraan dan penyelesaian rayuan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan.

36. (1) Akta Persatuan Peladang 1967 adalah dimansuhkan.

(2) Apabila mula berkuatkuasanya seksyen ini;

- (a) semua Persatuan Peladang hendaklah disifatkan sebagai dibentuk dan didaftarkan di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa sebutan mengenai 'Persatuan Peladang' dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai 'Pertubuhan Peladang', dan
- (c) pertukaran nama 'Persatuan Peladang' kepada 'Pertubuhan Peladang' tidaklah menjejaskan apa-apa hak atau tanggungan Persatuan Peladang atau menjadikan tercatat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, dan apa-apa juga prosiding undang-undang yang mungkin telah diteruskan atau dimulakan atau terhadapnya sebelum mula berkuatkuasanya seksyen ini boleh diteruskan atau dimulakan di bawah namanya yang baharu.

Pemansuhan 22/67
(Added Act A552/
1983)